



Bahasa Orang Asli Jahai: Kajian Aspek Fonologi dan Leksikal

Muna Afifah Mohd Zulkepli, Mohd Sharifudin Yusop
 Universiti Putra Malaysia

Article Info

Received:
 14 September 2019

Accepted:
 25 September 2019

Publish
 01 September 2020
 e-ISSN 2682-759X

Abstrak

Suku kaum Jahai tergolong dalam suku masyarakat orang Asli Negrito. Kelompok Negrito merupakan kelompok orang Asli yang terkecil. Kelompok Orang Asli yang terbesar ialah kelompok Senoi diikuti kelompok Melayu-Proto. Menurut statistik Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) pada tahun 2015, terdapat 1086 Orang Asli Jahai yang terdapat di Rancangan Penempatan Semula (RPS) Sungai Rual di daerah Jeli, Kelantan. Kajian ini dilaksanakan kerana bilangan penutur Jahai yang kecil menimbulkan kebimbangan terhadap kelestarian bahasa mereka akibat wujudnya proses dominasi bahasa utama khususnya bahasa Melayu. Sekiranya usaha pendokumentasian tidak dilakukan dengan segera berkemungkinan bahasa ini akan pupus sekaligus memusnahkan budaya masyarakat Jahai. Kajian ini tertumpu kepada aspek bahasa Jahai yang dituturkan di RPS Sungai Rual yang terdiri daripada empat buah kampung iaitu Kg. Sungai Rual, Kg. Manok, Kg. Kalok dan Kg. Seberang. Informan terdiri daripada penutur natif suku kaum Jahai. Fokus utama makalah ini ialah menghuraikan aspek fonologi dan leksikal bahasa suku kaum Jahai berdasarkan pendekatan linguistik struktural. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis data yang diperolehi melalui teknik lafaz dan teknik rakaman. Pentranskripsi akan dilakukan berdasarkan Symbol International Phonetic Alphabet (IPA) bersandarkan data kosa kata bahasa Jahai berpandukan senarai Swadesh dan kelas kata bertema. Hasil kajian mendapati bahasa Jahai mempunyai lapan fonem vokal dan 20 fonem konsonan. Daripada kosa kata bertema pula pengkaji mendapati terdapat perbezaan dan persamaan daripada leksikal dan bunyi bahasa Jahai dengan bahasa Melayu. Dalam kosa kata bertema alam fauna khususnya banyak mengekalkan bahasa Jahai sendiri. Namun, terdapat kosa kata yang telah dipengaruhi oleh bahasa Melayu. Kajian bahasa orang Asli Jahai yang meliputi aspek fonologi dan leksikal ini perlu dilakukan agar struktur bahasa tersebut dapat dikaji dengan lebih terperinci di masa akan datang dan secara tidak langsung dapat memastikan kelangsungan bahasa tersebut agar tidak pupus ditelan zaman.

Kata Kunci: Bahasa, Orang asli Jahai, Fonologi, Leksikal

Pengenalan

Bahasa merupakan elemen penting dalam kehidupan manusia yang menjadi cerminan jati diri dan tamadun sesuatu bangsa. Bahasa memainkan peranan yang penting sebagai alat yang digunakan oleh sesebuah komuniti masyarakat untuk berkomunikasi antara satu sama lain bagi memenuhi keperluan hidup. Adalah mustahil bagi sesebuah masyarakat untuk berkomunikasi tanpa bahasa.

Menurut David Crystal (2000) dalam *Language Death* yang mengatakan bahawa bahasa yang berpotensi terancam ialah bahasa yang tidak bernasib baik yang akan menyebabkan kematian bahasa terutamanya bahasa minoriti di dunia ini seperti orang Asli. Jumlah mereka yang kecil jika dibandingkan dengan penduduk Malaysia yang lain mengakibatkan bahasa mereka agak terpinggir dan kurang diberi perhatian. Dalam tempoh 100 tahun, dianggarkan bahawa hampir 50% daripada 7000 bahasa dalam dunia akan pupus. Hampir separuh daripada anggaran tersebut iaitu sebanyak 3054 bahasa yang menghadapi masalah kepupusan adalah

bahasa Asia. Hal ini disokong oleh Skeat dan Blagden (1906) yang menyatakan bahawa bahasa masyarakat orang Asli sedang diancam kepupusan kerana mereka sedang berusaha menguasai bahasa Melayu untuk saling berkomunikasi tidak kira sesama mereka dan masyarakat lain terutamanya.

Permasalahan Kajian

Laporan Ethnologue (2019) menyatakan terdapat sejumlah 7111 bahasa di dunia. Daripada jumlah tersebut, 40% daripadanya menghadapi ancaman kepupusan. Di samping itu terdapat 473 bahasa yang hampir pupus berikutan penutur yang terdiri dalam kalangan orang tua sudah semakin berkurangan. Perangkaan menunjukkan bahawa bahasa-bahasa tersebut ialah 46 di Afrika, 182 di Amerika, 84 di Asia, 9 bahasa di Eropah dan 152 bahasa di kawasan Pasifik. Hal ini disokong oleh David Crystal (2002) yang menyatakan bahawa setiap dua minggu bahasa orang Asli akan pupus. Kepupusan bahasa-bahasa Asli ini merupakan sesuatu yang amat membimbangkan. Oleh yang demikian, pengkajian terhadap bahasa Jahai perlu dilakukan agar bahasa kaum minoriti tersebut dapat diselamatkan daripada terus hilang begitu sahaja.

Bilangan masyarakat Jahai yang kecil dan kurang iaitu sebanyak 1086 orang (JAKOA, 2015) juga menimbulkan kebimbangan terhadap bahasa dan budaya memandangkan wujudnya proses dominasi bahasa utama khususnya bahasa Melayu. Proses asimilasi bahasa Melayu terhadap kaum Jahai juga menyebabkan bahasa Jahai hampir dipinggirkan oleh masyarakatnya sendiri. Hal ini berlaku disebabkan kebanyakan mereka sudah menerima pemodenan dan terdedah dengan dunia luar. Masyarakat orang Asli Jahai terpaksa belajar menggunakan bahasa luar supaya tidak ketinggalan dalam arus pemodenan. Selain itu, media massa turut menjadi pengaruh bahasa Melayu yang kuat terhadap masyarakat Jahai di Kelantan.

Oleh yang demikian, kajian terhadap bahasa orang Asli suku kaum Jahai perlu dilakukan yang meliputi aspek fonologi dan leksikal agar struktur bahasa tersebut boleh dikaji dengan lebih terperinci pada masa hadapan dan secara tidak langsung dapat memastikan kelangsungan bahasa tersebut agar tidak pupus ditelan arus zaman. Hal ini penting kerana tidak wajar sekiranya bahasa tersebut dibiarkan pupus tanpa ada sebarang pendokumentasian untuk melestarikannya kerana bahasa adalah khazanah yang amat tinggi nilainya.

Objektif

Objektif kajian ialah menganalisis aspek fonologi dan leksikal bahasa Jahai. Ciri linguistik bahasa Jahai yang dianalisis ialah vokal, konsonan dan diftong dianalisis menggunakan simbol IPA.

Sorotan Kajian

Kajian tentang kepupusan bahasa minoriti telah banyak dilakukan oleh sarjana di Malaysia. Antaranya ialah Mohd Sharifudin Yusop (2007), Lamsir bin Asib (2011), Zainal Abidin Masleh (2011), Santrol Abdullah (2016) dan Muna Afifah Mohd Zulkepli (2017). Pengkaji-pengkaji ini ada antaranya telah menghuraikan aspek fonologi dan leksikal, pemilihan bahasa dan tipologi keterancaman bahasa dalam kajian mereka bagi mengenal pasti kedudukan bahasa minoriti yang dikaji sama ada dapat terus bertahan atau telah mengalami kepupusan. Kajian Mohd Sharifudin Yusop (2007) mendapati bahasa Kanaq dan Duano di Johor telah mengalami tanda-tanda kepupusan. Manakala kajian Zainal Abidin Masleh (2011) tentang bahasa Bhuket dan Lahanan di Sarawak menunjukkan bahasa itu dapat terus bertahan kerana kehidupan mereka di rumah panjang telah berjaya membentuk sikap positif dan jati diri bangsa yang kental. Seterusnya Lamsir bin Asib (2011) mengatakan terdapat dua faktor pemupusan bahasa Bajau di Kota Belud, Sabah iaitu perkahwinan campur dan sosioekonomi ibu bapa. Beliau menegaskan bahawa jika tiada usaha pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap bahasa Bajau Samah, maka jantung hayat bahasa ini akan terhenti seterusnya mati suatu ketika nanti. Santrol Abdullah (2016) pula mengatakan bahasa Vaie di Sarawak dapat bertahan tetapi usaha pelestarian harus dilakukan segera supaya bahasa ini tidak mengalami ancaman kepupusan

pada masa hadapan. Manakala Muna Afifah Mohd Zulkepli (2017) mendapati bahasa Jahai di Rancangan Penempatan Semula (RPS) Sungai Rual, Jeli, Kelantan masih dapat bertahan kerana mereka tinggal bersama di RPS yang dapat memastikan bahasa Jahai akan sentiasa menjadi bahasa komunikasi mereka di penempatan tersebut. Walau bagaimanapun, inisiatif pelestarian perlu dilaksanakan agar tidak mengalami ancaman kepupusan kelak.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dalam penelitian dan penghuraian ciri bahasa orang Asli Jahai. Ciri-ciri yang diteliti ialah sistem bunyi bahasa dan leksikal bahasa Jahai di RPS Sungai Rual yang terdiri daripada empat buah kampung iaitu Kg. Manok, Kg. Kalok, Kg. Sungai Rual dan Kg. Seberang. Kaedah-kaedah yang digunakan ialah kepustakaan, lafaz dan rakaman.

Melalui kaedah perpustakaan, pengkaji dapat mengumpul maklumat yang diperlukan sama ada maklumat tersebut berbentuk am atau empirikal. Data yang terkumpul daripada kajian-kajian berkaitan yang dilakukan sebelum ini oleh pengkaji lain dapat memberikan maklumat asal yang diperlukan (Rohana Yusof, 2003). Oleh itu, pengkaji mencari sumber-sumber yang bersesuaian dengan tajuk kajian untuk dijadikan bahan kajian dokumen bertulis seperti artikel daripada majalah ilmiah dan keratan akhbar, jurnal, kertas kerja dan buku-buku ilmiah. Manakala, kajian-kajian lepas (tesis) pula, didapati terdapat beberapa orang pengkaji telah melakukan terlebih dahulu kajian yang mempunyai tajuk yang hampir seakan sama dengan pengkaji. Kajian tersebut digunakan sebagai rujukan dan landasan untuk memantapkan lagi hasil kerja ini.

Melalui kaedah rakaman, pengkaji memerhati dan mengawasi setiap perkataan yang disebut serta kedudukan alat artikulasi yang digunakan. Oleh itu pemilihan informan sangat mempengaruhi kelancaran serta ketepatan dapatan. Usia responden wajar diberi perhatian agar keaslian bahasa terjamin, menetap dalam kumpulan komuniti etnik yang sama sejak kecil lagi dan menggunakan bahasa tersebut dalam komunikasi seharian. Menurut Kent dan Read (2002) aspek jantina dan umur juga perlu diambil kira kerana secara fisiologinya terdapat perbezaan ketara dalam penghasilan bunyi oleh lelaki dan perempuan. Asmah Omar (2006) pula menjelaskan kaedah lafaz ini bertujuan untuk memperoleh sebutan yang betul terhadap kata-kata dalam bahasa yang dikaji. Pengkaji menyediakan terlebih dahulu senarai kata yang hendak dilafaz agar maklumat yang hendak diperolehi tepat dan terancang. Melalui kaedah ini pengkaji dapat menganalisis dapatan terutama aspek fonetik dan fonologi kosa kata melalui rakaman dan ditranskripsikan menggunakan kaedah International Phonetic Alphabet (IPA).

Akhir sekali, pengkaji menggunakan alat perakam suara dan alat perakam video untuk mendapatkan sumber primer yang tepat. Alat-alat perakam digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang bunyi bahasa orang Asli Jahai yang dikaji di samping mendokumentasikan dan mentranskripsi pertuturan beberapa informan yang dipilih daripada suku kaum tersebut. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan bunyi sebutan yang sebenar dalam latar semulajadi bahasa Jahai tanpa pengaruh bahasa lain seterusnya dianalisis menggunakan sistem IPA.

Pendekatan Linguistik Struktural

Fokus kajian struktural adalah penghuraian struktur dalam sesebuah bahasa. Menurut Abdullah Hassan (1989) linguistik struktural merupakan kajian linguistik yang menghuraikan bahasa menggunakan pendekatan pada bahasa itu sendiri berdasarkan ciri formal yang ada dalam sesebuah bahasa, sedangkan linguistik tradisional mengkaji tataran filsafat dan semantik. Manakala, menurut Asmah Omar (1983), asas pengkajian dalam struktural ialah setiap bahasa terdiri daripada satu bentuk yang berbeza dan tugas utama ahli-ahli bahasa ialah untuk mengkaji unsur bahasa bukan sebagai unsur berasingan tetapi sebagai bahagian daripada satu keseluruhan sistem.

Linguistik struktural juga berusaha mendiskripsikan sesuatu bahasa berdasarkan ciri atau sifat khas yang dimiliki oleh bahasa itu. Huraian bahasa yang dilakukan melalui struktural ialah berasaskan kajian-kajian yang dibuat secara empiris ataupun saintifik. Setiap huraian yang dibuat berdasarkan kepada contoh-contoh pertuturan yang telah dikumpulkan dalam satu pemerhatian. Huraian bahasa berdasarkan kepada struktural ini juga adalah berdasarkan kepada fakta-fakta bahasa yang dapat diperhatikan serta huraian tidak akan dibuat terhadap ciri bahasa yang tidak dapat dilihat.

Menurut Asmah Omar (1983) dan Zaharani (2005) setiap bahasa di dunia mempunyai sistem peraturannya sendiri. Peraturan dan sistem dalam bahasa inilah yang membezakan serta menjadi rujukan utama dalam mengidentifikasikan sesebuah bahasa tersebut. Linguistik struktural yang menjadi salah satu elemen kerangka teori dalam kajian ini akan menghuraikan struktur bahasa Jahai berdasarkan aspek vokal, diftong, konsonan dan leksikal.

Asmah Omar (2001) juga mengatakan transkripsi jenis ini dianggap memadai sebagai satu usaha awal dalam menghasilkan dokumentasi bahasa yang sebelum ini jarang dihasilkan serta bahasa yang bersifat lisan dan belum mempunyai sistem tatabahasa yang tersendiri.


Analisis Linguistik Bahasa Jahai

Analisis linguistik ini meliputi usaha mendokumentasikan leksikon bahasa Jahai serta menghuraikan sistem bunyi merangkumi ciri-ciri fonologi. Data senarai kosa kata bahasa Jahai yang diambil berdasarkan senarai kosa kata Swadesh dan beberapa kelas kata seperti sapaan kekeluargaan, bahagian anggota badan, peralatan rumah tangga dan dapur, sikap dan perasaan, tumbuhan dan binatang ditranskripsikan berasaskan International Phonetic Alphabet (IPA).

Aspek Fonologi Bahasa Jahai

Perkara yang akan dibincangkan dalam aspek fonologi adalah mengenai inventori vokal dan konsonan bagi bahasa Jahai. Menurut Abdul Hamid Mahmud (1998) vokal ialah bunyi-bunyi bersuara yang tatkala dihasilkan udara dari paru-paru keluar berterusan melalui rongga tekak dan rongga mulut tanpa sebarang gangguan atau sekatan. Bunyi vokal mempunyai ciri-ciri kelantangan dan kepanjangan. Maksudnya bunyi-bunyi vokal dapat didengar dengan lebih jelas dan lebih panjang daripada bunyi konsonan. Berdasarkan penelitian terhadap sistem bunyi bahasa yang dituturkan dalam bahasa Jahai, pengkaji mendapati terdapat 8 fonem vokal iaitu [i], [e], [a], [u], [o], [ə], [ɛ], [ɔ]. Kedudukan fonem vokal bahasa Jahai dapat dilihat pada rajah di bawah:

- ***Kedudukan Vokal Bahasa Jahai***



Pengkaji telah mengenal pasti dalam penggolongan fonem vokal mengikut kedudukan lidah, terdapat empat jenis vokal depan iaitu [i], [e], [ɛ] dan [a]. Hanya terdapat satu sahaja vokal tengah separuh luas iaitu [ə]. Manakala untuk vokal belakang pula terdiri daripada [u], [o] dan [ɔ]. Kehadiran fonem-fonem vokal dalam bahasa Jahai ini dapat diperjelaskan dalam rajah di bawah:

Kehadiran Fonem Vokal Bahasa Jahai

Bil.	Jenis Vokal	Awal Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		BM	BJ	BM	BJ	BM	BJ
1	/i/	berkas besok ialah ikan isi	[iket] [isɔʔ] [iəleh] [ikək] [isiʔ]	hasta iring jinak kail kebas	[məntik] [iŋriŋ] [jinɔʔ] [kayil] [səntiŋ]	inai kembang laki satu wangi	[inay] [bihi] [ei] [nei] [wanji]
2	/e/	tunduk	[el]	rakan rintang tepi	[pempom] [weŋ] [baser]		
3	/ɛ/	minum ayah bagi	[ɛm] [ei] [ɛʔ]	tumpah ubat badan	[uhet] [ubet] [ley]	sama sasaran	[sameɛ] [sasareɛ]
4	/ə/	malu mandi mani	[ənsol] [ənday] [ənay]	tumpul angin asal	[bələn] [bəgiyu] [təmpət]	bahang bahaya pada	[bəke] [bahayə] [padə]
5	/a/	angkat aral arus	[aŋket] [arəl] [alor]	pantai pamah patuh	[paser] [rataʔ] [hay]	sabar sawa utama	[saba] [sawa] [utama]
6	/u/	ubah mengulang udang	[urəs] [uguwet] [udɛŋ]	pejam pekak pelangi	[tutop] [tuliʔ] [banjun]	melayu puyu sandar	[məlayu] [puyu] [caŋtu]
7	/o/	arwah anjing segan	[okapet] [ot] [os]	tunggu rusuk pekung	[tadok] [soh] [cot]	penagih pemuda raya	[dahago] [mudo] [rayo]
8	/ɔ/	api mahu	[ɔs] [ɔm]	ramai rambut sampuk	kom [sək kui] [pək]	mayat seronok	sarok [sarə] suko [sukə]

Berdasarkan jadual di atas didapati bahawa semua fonem vokal dalam bahasa Jahai dapat ditemui di semua posisi awal, tengah dan akhir dalam sesuatu kosa kata kecuali fonem vokal belakang [e]. Fonem tersebut tidak hadir pada akhir kata tetapi hanya hadir pada awal dan tengah kata sahaja.

• *Diftong Bahasa Jahai*

Menurut Asmah Omar (2008), diftong ialah vokal geluncuran dan hadir pada awal, tengah dan akhir kata dalam bahasa Melayu. Diftong merupakan gabungan bunyi-bunyi vokal. Diftong juga merupakan gabungan dua vokal yang terdapat dalam satu suku kata yang disebut secara berterusan tanpa ada segmen. Diftong terbentuk apabila berlaku penggeluncuran bunyi-bunyi vokal. Satu vokal menggeluncur dari satu vokal kepada vokal yang lain. Dalam erti kata mudah, diftong melibatkan dua deretan vokal yang hadir secara serentak. Dalam bahasa Jahai terdapat tiga jenis diftong yang wujud iaitu ai [ay], au [aw] dan oi [oy] seperti mana BM. Kebanyakan bunyi diftong ini hadir di tengah dan akhir kata namun tidak hadir di awal kata. Contoh perkataan adalah seperti yang berikut:

Bil.	Jenis Vokal	Awal Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		BM	BJ	BM	BJ	BM	BJ
1	ay			dongak kail	[bəlay] [kayil]	gigil dukacita	[sərayay] [yeʔnanʔkay]
2	aw			beruang sepi	[kawep] [hawat]	babi labah-labah	[gaw] [padaw]
3	oy			gelak gelap	[tuŋgoy] [tuŋoy]	kecil joran	[ahoy] [koy]

Rangkap Vokal Bahasa Jahai

Vokal rangkap ialah deretan dua atau lebih vokal yang hadir berturut-turut dengan menampakkan puncak yang nyata atau rangkap itu menjadi nukleus yang kompleks bagi satu-satu suku kata. Berikut merupakan contoh rangkap-rangkap vokal dalam BJ:

Kehadiran Rangkap Vokal Bahasa Jahai

Rangkap vokal	BM	BJ
ai	sembuh saudara	[ukay] [pay]
ei	pacat tampok	[lawey] [taŋkey]
əi	terbang tali	[kipəi] [awəy]
ua	semua ruam	[səmuʷaʔ] [ruʷam]
oi	rambutan sahabat	[taŋoy] [hiyəloy]

• Fonem Konsonan Bahasa Jahai

Bunyi konsonan terhasil oleh alat artikulasi dengan membuat satu sekatan tertentu terhadap arus udara yang keluar dari rongga mulut. Menurut Asmah (2008), konsonan ialah bunyi-bunyi bahasa yang ketika dihasilkan melibatkan sentuhan seketika di antara salah satu alat artikulator dan titik artikulasi. Apabila sentuhan berlaku, maka laluan udara dari paru-paru tersekat dan dengan terlepasnya sentuhan itu, udara dapat mengalir semula melalui mulut atau hidung.

Berdasarkan data yang diperoleh oleh pengkaji terdapat 19 fonem konsonan yang digunakan dalam bahasa Jahai iaitu /b/, /p/, /d/, /t/, /g/, /k/, /ʔ/, /j/, /c/, /s/, /h/, /m/, /n/, /ŋ/, /p/, /l/, /r/, /w/ dan /y/. Bagi lebih jelas lagi, berikut disertakan jadual yang menunjukkan daerah artikulasi dan cara penyebutan kesemua 19 bunyi konsonan yang tersebut di atas.

Kedudukan Fonem Konsonan Bahasa Jahai

Daerah sebutan/ cara sebutan	Bibir	Gusi	Gusi- Lelangit Keras	Lelangit Keras	Lelangit Lembut	Hentian Glottis
Plosif Bersuara	[b]	[d]			[g]	
Plosif Tak Bersuara	[p]	[t]			[k]	[ʔ]
Afrikat Bersuara				[j]		
Afrikat Tak Bersuara				[c]		
Frikatif Bersuara						
Frikatif Tak Bersuara			[s]			[h]
Nasal	[m]	[n]		[ɲ]	[ŋ]	
Sisian		[l]				
Getaran		[r]				
Separuh Vokal	[w]		[y]			

• Konsonan Plosif

Konsonan plosif terbahagi kepada dua bentuk iaitu plosif bersuara dan tidak bersuara. Konsonan plosif bersuara yang terdapat dalam struktur kata bahasa Jahai ialah [b], [d] dan [g] yang hadir pada setiap posisi iaitu pada awal, tengah dan akhir kata. Contoh penyebaran konsonan plosif bersuara dalam bahasa Jahai adalah seperti yang berikut:

Kehadiran Konsonan Plosif Bersuara

Bil.	Jenis Konsonan	Awal Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		BM	BJ	BM	BJ	BM	BJ
1	[b]	semut sendiri	[bed] [bəlaʔ]	khobar bagus	[kabar] [abən]	darat nasib	[həb] [naseb]
2	[d]	anai-anai alat pusat dapur	[daren] [deʔ] [dut] [dapor]	bebal dedak dendam enak	[budək] [dudəʔ] [dəndam] [sədəp]	orang tua had	[kəbid] [had]
3	[g]	antuk babi pinggang	[gucuh] [gaw] [gel]	ketawa awan dahaga	[leglug] [sagup] [dahagə]	kiri merah panjang	[wig] [rəhəg] [mənteg]

Bentuk konsonan plosif yang kedua ialah plosif tidak bersuara. Dalam struktur bahasa Jahai, terdapat empat konsonan plosif tak bersuara iaitu [p], [t], [k], dan [ʔ]. Konsonan [p], [t], [k] dan [ʔ] dapat dilihat pada semua posisi kata iaitu awal, tengah dan akhir kata. Konsonan plosif tidak bersuara dalam struktur bahasa Jahai dijelaskan dalam jadual berikut:

Kehadiran Konsonan Plosif Tidak Bersuara

Bil.	Jenis Konsonan	Awal Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		BM	BJ	BM	BJ	BM	BJ
1	[p]	kisar basah pukul	[pələs] [pəcəʔ] [puh]	bahu selut atap	[klapəh] [lampəʔ] [hapəy]	esok asap kerap	[həndəp] [asep] [kərap]
2	[t]	asal ayak untuk bulat	[təmpət] [tampiʔ] [tomyeʔ] [təlkəl]	titi dahi gurau batuk	[tuntun] [pətəʔ] [tit tot] [batuʔ]	bibir umpat tumbuh tumit	[kəbid] [lumpət] [kadut] [tumet]
3	[k]	asak atas awal	[kəpit] [kəpeʔ] [kasən]	apa bahang berkas	[makən] [bəkə] [iket]	biar tupai betik	[perək] [kədək] [batik]
4	[ʔ]	-	-	cendawan cari ziarah undur	[taʔtaʔ] [laʔwaʔ] [cəbʔaniʔ] [ŋoʔbasən]	bidan buluh cuba bila	[yaʔ] [buloʔ] [cubaʔ] [bilaʔ]

- **Konsonan Afrikat**

Konsonan afrikat juga terbahagi kepada dua iaitu konsonan afrikat bersuara dan tidak bersuara. Konsonan afrikat bersuara ialah konsonan [j] manakala [c] pula merupakan konsonan afrikat tidak bersuara. Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap struktur bahasa Jahai, konsonan afrikat bersuara dan tidak bersuara hadir pada semua posisi kata iaitu awal, tengah dan akhir kata. Penyebaran konsonan afrikat bersuara dan tidak bersuara tersebut dijelaskan dalam jadual berikut:

Kehadiran Konsonan Afrikat

Bil.	Jenis Konsonan	Awal Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		BM	BJ	BM	BJ	BM	BJ
1	[j]	menangis malas dukun	[jim] [jərəʔ] [jənampi]	berat risau sampai	[hənjut] [tajiʔ] [manjik]	daging	[sej]
2	[c]	damak tangkap masak tapis	[cənlot] [ciyas] [cətəh] [cawəŋ]	nyala bagai bara jalan	[ociʔ] [macəm] [bərəmcim] [nəcəb]	basuh bayang beruk	[soc] [yəc] [bawac]

- **Konsonan Nasal**

Bunyi konsonan nasal atau juga dikenali sebagai sengauan terhasil apabila rongga mulut ditutup dan udara dilepaskan keluar melalui rongga hidung. Konsonan nasal BJ sama seperti

BM iaitu [m], [n], [ŋ] dan [ŋ]. Semua bunyi nasal hadir pada setiap posisi kata iaitu awal, tengah dan akhir kata kecuali konsonan ŋ yang tidak hadir di akhir kata.

Kehadiran Konsonan Nasal

Bil.	Jenis Konsonan	Awal Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		BM	BJ	BM	BJ	BM	BJ
1	[m]	hasta jerawat using	[məntik] [mən] [manəh]	halau hambat untuk	[hamat] [tampəŋ] [tomyɛʔ]	gelap geram uri	[sej] [gərəm] [som]
2	[n]	jamuan jarang kahwin	[nəʔ] [nət] [nəʔteʔ]	gerhana gerak hampir	[gərhaneʔ] [pənipəh] [pəndəh]	gigi hairan kerumun	[hən] [hiran] [kərumon]
3	[ŋ]	darah kelapa nyawa	[ŋep] [ŋor] [ŋawet]	empunya kunyit olok	[puyɛʔ] [kuyit] [pənaʔoʔ]	-	-
4	[ŋ]	senyap undur	[ŋohsaŋor] [ŋoʔbasen]	capai dagu dengki wasangka	[aŋket] [jaŋkəʔ] [dəŋkiʔ] [wasangka]	cedok dalam dinding	[huwaŋ] [kələŋ] [diniŋ]

- ***Konsonan Frikatif***

Berdasarkan penelitian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap bahasa Jahai, terdapat dua konsonan frikatif iaitu bunyi [s] dan [h]. Bunyi penyebaran kedua-dua konsonan frikatif atau dikenali sebagai konsonan geseran ini dapat dilihat pada setiap posisi kata dalam bahasa Jahai iaitu pada awal, tengah dan akhir kata. Contoh-contoh fonem konsonan frikatif dalam bahasa Jahai dijelaskan dalam jadual berikut.

Kehadiran Konsonan Frikatif

Bil.	Jenis Konsonan	Awal Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		BM	BJ	BM	BJ	BM	BJ
1	[s]	rusuk sabar demam	[sop] [saba] [səm]	rusa awal akhir	[kasen] [kasen] [basen]	roh hati curam	[kələŋis] [klangis] [nisgəs]
2	[h]	mulut ringan rumah	[hən] [hətəp] [hayak]	riuh remaja senyap	[bəlhɛʔ] [rahjah] [ŋohsaŋor]	rusuh rebus tagih	[behloh] [citoh] [tageh]

- ***Konsonan Getaran***

Dalam bahasa Jahai, penyebaran bunyi konsonan getaran [r] hadir pada setiap posisi kata iaitu pada awal, tengah dan akhir kata. Penyebaran bunyi konsonan getaran [r] pada posisi awal dan tengah kata agak meluas manakala penyebaran bunyi konsonan tersebut pada akhir kata adalah terhad.

Kehadiran Konsonan Getaran

Jenis Konsonan	Awal Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
	BM	BJ	BM	BJ	BM	BJ
[r]	mendung arang berasa geroda	[riyōm] [rənhəŋ] [rasaʔ] [raŋah]	manusia mati melukut arak badak	[məndraʔ] [sarəʔ] [karhəm] [araʔ] [kərəs]	arus belajar botak cukur	[alor] [ajer] [tərhər] [cukor]

- ***Konsonan Lateral***

Penyebaran bunyi konsonan lateral [l] atau dikenali juga sebagai konsonan sisian merupakan bunyi geseran bersuara yang dapat ditemui dalam setiap posisi kata iaitu awal, tengah dan akhir kata dalam bahasa Jahai serta agak meluas penyebarannya. Penyebaran bunyi konsonan lateral tersebut boleh dirujuk pada jadual berikut.

Kehadiran Konsonan Lateral

Jenis Konsonan	Awal Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
	BM	BJ	BM	BJ	BM	BJ
[l]	badan baki belat bersua	[ley] [ləbeh] [ləket] [ləmah]	apabila atau balak balu	[bilaʔ] [alow] [baləʔ] [oblaʔ]	aral banjir bantal bekal	[arəl] [rəl] [bantəl] [bəkəl]

- **Konsonan Separuh Vokal**

Konsonan separuh vokal dalam bahasa Melayu ialah bunyi [w] dan [y]. berdasarkan penelitian pengkaji terhadap bahasa Jahai, bunyi konsonan separuh vokal [w] dan [y] juga hadir pada setiap posisi kata bahasa iaitu pada awal, tengah dan akhir kata.

Kehadiran Konsonan Separuh Vokal

Bil.	Jenis Konsonan	Awal Kata		Tengah Kata		Akhir Kata	
		BM	BJ	BM	BJ	BM	BJ
1	[w]	kanak-kanak kembali muara pangkah	[wəy] [wey] [was] [wet]	beruk burung cari galah	[bawac] [kawaw] [laʔwaʔ] [kənwat]	kedua kacau kemarau menantu	[kəniʃew] [kacaw] [kəmarow] [mənsaw]
2	[y]	bidan kelahi lalat mundur	[yaʔ] [yehyoh] [yey] [yon]	beliong dunia gaduh goyang	[beliyon] [duniyeʔ] [yehyoh] [guyan]	belalai benang berenang cerai	[bələley] [mənoy] [bərney] [cərey]

Aspek Leksikal Bahasa Jahai

Bagi mengkaji aspek leksikal bahasa Jahai, pengkaji menggunakan kosa kata bertema kerana kosa kata ini masih dan selalu digunakan oleh orang Asli Jahai. Kosa kata bertema yang dimaksudkan ialah bahagian cuaca, bahagian anggota badan, nama-nama haiwan, peralatan dan bahagian dalam rumah, tumbuh-tumbuhan, panggilan dalam keluarga dan sapaan, pakaian dan perhiasan dan bahagian-bahagian pokok. Kosa kata yang diambil adalah daripada sumber lisan dan sumber bertulis.

- **Sapaan Kekeluargaan**

Penggunaan kata sapaan dalam kekeluargaan mencerminkan kedudukan dan tingkat sosial mereka dalam keluarga sesebuah etnik. Dalam bahasa Jahai mereka masih mengekalkan tradisi turunan bahasa tersendiri. Dapatan dari data yang diperoleh memperlihatkan bahawa dalam kata sapaan suku Jahai, tidak ditemui gelaran seperti along, pak uda, pak usu dan sebagainya. Namun, mereka masih mengekalkan bahasa mereka contohnya gelaran untuk nenek iaitu [yaʔ baboʔ], datuk iaitu [taʔ təmkal], begitu juga untuk gelaran aku [yeʔ], dan awak [pay]. Berdasarkan contoh diberi, jelas menggambarkan dalam bahasa Jahai mereka tidak dipengaruhi oleh bahasa Melayu dan mengekalkan jati diri serta identiti tersendiri.

Leksikal Kata Sapaan Kekeluargaan dalam Bahasa Jahai

Bil.	BM	BJ	IPA
1	cucu	kancok	kancoʔ
2	bapa saudara	beh/ei sdarak	bəh / eʃi sdaraʔ
3	mertua lelaki	kendei ei	kəndeʃi ey
4	mertua perempuan	kendei bek	kəndeʃi bəʔ
5	menantu lelaki	mensau ei	mənsaw ey
6	menantu perempuan	mensau bek	mənsaw bəʔ
7	bapa	ei	eʃi
8	bapa angkat	ei nangket	eʃi naŋket
9	bapa tiri	ei yekblak	eʃi yeʔblaʔ
10	anak tiri	wong sdarak	wəŋ sdaraʔ
11	anak lelaki	wong ei	wəŋ ey

12	anak perempuan	wong bek	wəŋ bəʔ
13	awak	pai	paɪ
14	aku	yek	yeʔ
15	ibu	bek	bəʔ
16	ipar	lami	lami
17	isteri	keneh	kəneɦ
18	mereka	bom	bəm
19	nenek	yak babok	yaʔ baboʔ
20	waris	kancok	kancoʔ

• Anggota Badan

Bagi orang Asli Jahai, keseluruhan perkataan yang berkaitan dengan anggota badan masih bersifat asli dan tidak dipengaruhi bahasa Melayu. Pengkaji mendapati keseluruhannya bahasa Jahai masih mengekalkan penggunaan bahasa mereka tersendiri seperti lengan [bəliŋ], leher [uŋut], perut [eic], ketiak [ləʔdaʔ], dagu [jaŋkəʔ], dada [dəʔduʔ] dan pinggang [gel]. Berdasarkan contoh yang diberi menjelaskan pengaruh anggota badan yang merupakan bahagian asasi bagi setiap manusia mampu menggambarkan identiti bahasa tersendiri.

Leksikal Anggota Tubuh Badan

Bil.	Bahasa Melayu	Bahasa Jahai	IPA
1	Lengan	beling	[bəliŋ]
2	Hidung	moh	[məɦ]
3.	Leher	ungut	[uŋut]
4.	Rusuk	sop	[səp]
5.	perut	eic	[eic]
6	gigi	hen	[ɦən]
7	ketiak	lekdak	[ləʔdaʔ]
8	belakang	kerek	[kərəʔ]
9	dagu	jangkek	[jaŋkəʔ]
10	bulu badan	sok lei	[səʔ leɪ]
11	dada	dekduk	[dəʔduʔ]
12	buah dada	sog dekduk	[səg dəʔduʔ]
13	pinggang	gel	[gel]
14	siku	sikuk	[sikuʔ]
15	punggung	keit	[kəit]
16	mulut	hen	[ɦən]
17	kening	petek	[peteʔ]
18	lutut	kaltung	[kaltuŋ]
19	rambut	sok kui	[sək kui]
20	kaki	can	[can]
21	hati	klanges	[klaŋəs]
22	tangan	cas	[cas]
23	tapak tangan	ciyas	[ciyas]
24	kepala	kui	[kui]
25	lidah	lentic	[lentiʔ]
26	kerongkong	ungut	[uŋut]
27	kulit	kete	[kətə]
28	kuku	cenros	[cənros]
29	misai	sok jangut	[səʔ jaŋut]
30	muka	met	[met]
31	otak	lekem	[ləkəm]
32	rahang	temge	[təŋgə]
33	taring	siong	[siəŋ]
34	tengkuk	tengkok	[təŋkəʔ]
35	tumit	tumet	[tumet]

• Peralatan Rumah Tangga dan Dapur

Berdasarkan data yang diperoleh, masyarakat Jahai juga menggunakan bahasa Jahai dalam kehidupan yang berkaitan dengan peralatan rumah tangga dan dapur. Contohnya ialah tikar [nəs], besen [pa], belanga [kuʷaliʔ], bantal [bantəl] dan benang [məŋəy]. Contoh peralatan dan bahagian rumah yang sama dengan bahasa Melayu pula ialah mangkuk [maŋkuʔ], selimut

[səlimut] dan almari [almari]. Hal ini termasuk perkataan-perkataan untuk peralatan rumah tangga yang bersifat moden seperti televisyen, peti sejuk dan ketuhar. Pengaruh bahasa Melayu dapat dijelaskan kerana peralatan sedemikian tidak wujud dalam lingkaran awal kehidupan mereka.

Leksikal Peralatan Rumah Tangga dan Dapur

Bil.	Bahasa Melayu	Bahasa Jahai	IPA
1	Besen	pa	[pa]
2	Mangkuk	mangkuk	[maŋkuʔ]
3	Bantal	bantel	[bantəl]
4	Selimut	selimut	[səlimut]
5	Sikat rambut	sisir	[sisə]
6	Tikar	nes	[nəs]
7	Belanga	kualik	[kuʷaliʔ]
8	Periuk besar	kanek beo	[kaneʔ bəʷo]
9	Penyapu	nyapu	[ŋapu]
10	Pelita	pelitak	[pəlitaʔ]
11	Arang batu	renhong batuk	[rənhɔŋ batuʔ]
12	Baldi	blidik	[blidiʔ]
13	Benang	menei	[mənəy]
14	Bubu	bubuk	[bubuʔ]
15	Parang	wen	[wen]
16	Pinggang	pingen	[piŋen]
17	Pisau	wes	[wəs]
18	Timba	caek	[caeʔ]
19	Almari	almari	[almari]
20	atap	hapoi	[hapəy]
21	bekas	tempet	[təmpət]
22	besi	besik	[bəsiʔ]
23	bumbung	turus	[turus]
24	jala	jalak	[jalaʔ]
25	jamban	tom	[təm]
26	joran	koi	[kəy]
27	kertas	kertas	[kertas]
28	kipas	kipas	[kipas]
29	papan	papen	[papən]
30	pintu	pintuk	[pintuʔ]

- **Sikap dan perasaan**

Berdasarkan data yang diperoleh jelas menunjukkan bahawa suku Jahai masih mengekalkan bahasa Jahai dalam penggunaan seharian. Tiada pengaruh bahasa Melayu dalam penyebutan yang berkaitan dengan peristiwa perlakuan dan perasaan. Hal ini jelas menggambarkan pemilihan dan budaya yang wujud dalam kehidupan seharian mereka sejak sekian lama. Pengaruh luaran tidak mampu meresap dalam bahasa mereka. Penggunaan leksikon yang berkaitan dengan perlakuan dan perasaan seperti kencing [kenom], minum [em], senyum [sangor], malu [ensol], pendek [cenhet]. Pengkaji berkeyakinan bahawa kekentalan yang ada pada bahasa Jahai mampu melestarikan bahasa mereka.

Leksikal Sikap dan Perasaan

Bil.	Bahasa Melayu	Bahasa Jahai	IPA
1	rindu	belei	[bəley]
2	bersendirian	yek belak	[yεʔ bəlaʔ]
3	sejuk	serayai	[sərayay]
4	dosak	dosak	[dosaʔ]
5	tempeleng	taboh	[taboh]
6	termenung	sengor	[səŋor]
7	terjun	lompot	[ləmpət]
8	tertawa	leglug	[ləglug]
9	geram	gerem	[gərəm]
10	hairan	hiran	[hiran]

11	Nampak	nadeng	[nadɛŋ]
12	merayu	semen	[səməŋ]
13	gerun	hegik	[həgiʔ]
14	menembak	bedel	[bədəl]
15	melukut	karhem	[karhəm]
16	gementar	tiktek	[tiʔtəʔ]
17	menyanyi	pinglon	[piŋlon]
18	dusta	bot	[bət]
19	dukacita	yeknangkai	[yeʔnaŋkay]
20	cinta	cinte	[cintə]
21	cerek	cemburu	[cərəʔ]

• Alam Flora

Tumbuhan dan hutan atau alam flora begitu sinonim dengan masyarakat Jahai. Gaya hidup mereka yang banyak bergantung dengan hasil hutan merupakan amalan sejak turun temurun. Suku Jahai yang menjadikan kegiatan memungut hasil hutan dan berburu sebagai sumber rezeki masih mengekalkan bahasa mereka. Namun ditemui juga oleh pengkaji wujudnya penggunaan bahasa Melayu bagi menyebut tumbuhan dan hutan yang tidak sinonim dengan kehidupan mereka seperti lada [ladak], halia [haliak], rumput [rumpot]. Penggunaan bahasa Jahai pula contohnya gunung [cebak], petai [hentau], rambutan [tangoi], ranting [canggan], akar [aweij].

Leksikal Alam Flora

Bil.	Bahasa Melayu	Bahasa Jahai	IPA
1	balak	balok	[baləʔ]
2	bamboo	bulok	[buləʔ]
3	bawang	bawang	[bawaŋ]
4	bayam	bayam	[bayam]
5	betik	betik	[bətik]
6	halia	haliak	[haliəʔ]
7	jagung	jagong	[jagəŋ]
8	kelapa	nyor	[ŋor]
9	kunyit	kunyit	[kunit]
10	labu	paringet	[pariŋet]
11	lada	ladak	[ladaʔ]
12	lalang	lalang	[lalaŋ]
13	nangka	nangkak	[naŋkaʔ]
14	padi	padei	[padey]
15	petai	hentau	[həntaw]
16	rambai	rambei	[rambey]
17	rambutan	tangoi	[taŋoy]
18	rotan	tei	[tey]
19	rabung	rembong	[rəmbəŋ]
20	tembakau	jenhat	[jənhāt]
21	ubi	hubik	[hubiʔ]

• Alam Fauna

Seperti juga tumbuhan dan hutan, binatang juga merupakan sebahagian daripada kehidupan suku Jahai. Pengkaji mendapati nama-nama binatang yang wujud dalam masyarakat Jahai juga menjelaskan keaslian sebutan dan kewujudan unsur tersebut dalam lingkaran kehidupan mereka.

Leksikal Alam Fauna

Bil.	Bahasa Melayu	Bahasa Jahai	IPA
1	anjing	ot	[öt]
2	ayam	manok	[manək]
3	babi	gau	[gaw]
4	badak	kares	[kares]
5	biri-biri	pet	[pət]
6	beruang	kawep	[kawep]
7	beruk	bawac	[bawac]
8	biawak	grentom	[grɛŋ təm]

9	buaya	boyak	[boyaʔ]
10	burung	kawau	[kawaw]
11	gajah	gajah	[gajah]
12	harimau	ok	[oʔ]
13	katak	cangkei	[caŋkey]
14	kelawar	semoi	[semoy]
15	kerbau	kerbou	[kerboʷu]
16	kijang	bohol	[bɔhɔl]
17	kucing	kuceng	[kuceŋ]
18	monyet	tebeng	[tebɛŋ]
19	musang	ilong	[ilonŋ]
20	nyamuk	hagas	[hagas]
21	pelanduk	planduk	[planduʔ]
22	rusa	kasak	[kasaʔ]
23	siamang	ameng	[ameŋ]
24	tupai	kedek	[kədək]

Kesimpulan

Berpandukan data kelas kata bertema dan kosa kata Swadesh, pengkaji mendapati bahasa Jahai mempunyai 8 fonem vokal iaitu [i], [e], [ɛ], [a], [ə], [u], [o], [ɔ]. Selain itu, didapati tidak semua fonem vokal dapat ditemui dalam bahasa Jahai di posisi awal, tengah dan akhir dalam sesuatu kosa kata. Kosa kata daripada data tersebut menunjukkan bahawa fonem vokal depan [e] separuh sempit tidak hadir di akhir kata. Manakala, fonem-fonem yang lain ditemui dalam setiap posisi kata.

Bagi konsonan bahasa pula terdiri daripada 19 fonem konsonan iaitu [b], [p], [d], [t], [g], [k], [ʔ], [j], [c], [s], [h], [m], [n], [ŋ], [ɲ], [l], [r], [w] dan [y]. Hanya 2 konsonan sahaja yang tiak hadir pada semua posisi kata iaitu fonem [ʔ] dan [ɲ]. Fonem [ʔ] tidak hadir hanya pada awal kata manakala konsonan [ɲ] hanya tidak hadir di awal kata. Analisis vokal dan konsonan ini menunjukkan bukan semua fonem bahasa Jahai akan hadir di setiap posisi kata dan fonem-fonemnya tidak sama dengan bahasa Melayu.

Bagi aspek leksikal bahasa Jahai, pengkaji menggunakan kosa kata bertema kerana kosa kata ini masih dan selalu digunakan oleh orang Asli Jahai. Daripada kosa kata bertema ini, pengkaji mendapati terdapat perbezaan dan persamaan daripada leksikal dan bunyi bahasa Jahai dengan bahasa Melayu. Pengkaji juga mendapati orang Asli Jahai masih mengekalkan bahasa tradisi mereka sendiri. Dalam kosa kata bertema anggota badan khususnya banyak mengekalkan bahasa Jahai sendiri seperti lengan [bəliŋ], kening [pɛtɛʔ], dagu [jaŋkəʔ], mulut [hen] dan sebagainya. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kosa kata yang telah dipengaruhi oleh bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan telah berlaku proses dominasi bahasa dan asimilasi bahasa Melayu terhadap bahasa Jahai.

Berpandukan data leksikal yang dikutip, masih terdapat lagi kosa kata yang tidak dipengaruhi bahasa Melayu. Generasi tua dapat mengingat bahasa ibunda mereka dan dipraktikkan sehingga sekarang. Hal ini membuktikan bahasa Jahai masih kaya dengan kosa kata yang tersendiri tanpa pengaruh bahasa Melayu. Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa suku Jahai berjaya membentuk struktur bahasa lisan mereka tersendiri.

Rujukan

- Abdullah Hassan. (1969). "Morfologi-Fonologi Bahasa Orang Asli Dialek Temuan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (1989). *30 Tahun Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akta Orang Asli 1954, Undang-Undang Malaysia. Kuala Lumpur: 1974, hlm 6.

- Asmah Haji Omar. (1977). *Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Asmah Haji Omar (2006). *Bahasa Mah Meri*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar. (2006). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Benjamin G. (2012). *The Aslian Languages of Malaysia and Thailand: An Assessment*. In Stuart McGill & Peter K. Austin (eds) *Language Burrenhult*. N., (2002). "A Grammar of Jahai". Tesis Doktor Falsafah, Department of Linguistics and Phonetics. LUND Univesity.
- Carey, I. (1976). *Orang Asli: The Aboriginal Tribes of Peninsula Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Collins, James T. (1983). "Dialek Melayu di Kampung Landai Pahang: Menuju Penelitian Tatabahasa di Kalangan Orang Asli". *Dewan Bahasa*. 27(1): 99-118.
- David Crystal. (2000). *Language Death*. United Kingdom: Cambridge University Press
- David Crystal. (2002). *Mengapakah Bahasa Mati*. (terj.) Azizah Md. Hussin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. *Jurnal Bahasa*. Jilid 2. Bil. 3 Sept 2002. Hlm. 309-333.
- Dalby, Andrew. 2002. *Language in Danger*. London: Penguin Books Ltd.
- Faridah Nazir & Maridah Haji Alias. (2013). *Fonetik dan Fonologi*. Selangor: Penerbit Multimedia Sdn. Bhd.
- Fauziah Mat. (1993). *Dialek Jahai: Satu Kajian Fonologi*. Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur:Universiti Malaya.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2011). *Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011-2015*. Kuala Lumpur: JAKOA.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli. (2015). *Orang Jahai*. (Atas Talian) Muat turun 10 September 2015, dari <http://www.jakoa.gov.my>
- Mohd Sharifudin Yusop. (2007). *Keusangan Bahasa Orang Melayu-Proto: Kajian Sociolinguistik Bahasa Terhadap Dialek Duano dan Dialek Kanaq di Johor*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Bangi:UKM.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2009). *Keusangan Bahasa Orang Asli dan Peribumi Malaysia:Impak Terhadap Bahasa Melayu*. *Jurnal Aswara* hlm 94-103. Kuala Lumpur: Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2009). *Pemanfaatan Khazanah Bahasa Orang Asli: Menjelang 145 (1865-2010) Tahun Kajian Bahasa Orang Asli Malaysia*. *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu ke-5*. Serdang: Universiti Putra Malaysia. Hlm. 235-246.
- Mohd Sharifudin Yusop. (2011). *Daftar Kata Melayu-Negrto (Bateq/Jahai/Kensiu/Kentaq/Lanoh/Mendriq)*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).
- Mohd Sharifudin Yusop. (2013). *Keterancaman Bahasa Orang Asli Duano dan Kanaq*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia
- Nor Hashimah Haji Jalaluddin. (2015). *Asas Fonetik*. Kuala Luumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Santrol Abdullah. (2016). *Etnolinguistik Bahasa Vaie di Sarawak, Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.
- Skeat, W. W. Blagden, Co. (1906). *Pagan Races of the Malay Peninsula*. Vol I & II. London:Macmillan and Co.
- Zainal Abiddin Masleh. (2011). *Kajian Etnolinguistik Terhadap Kelestarian Bahasa Bhuket dan Bahasa Lahanan di Daerah Belaga, Sarawak*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia.